

KHUTBAH JUMAAT

“BERSATU MELAWAN ANCAMAN PANDEMIK COVID-19”
(3 September 2021M/ 25 Muharam 1443H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Saudaraku yang dikasihi sekalian,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita peroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat. Marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk: **“Bersatu Melawan Ancaman Pandemik COVID-19”**.

Saudaraku yang dikasihi sekalian,

Sehingga ke hari ini, kita semua warga Malaysia dan di seluruh dunia masih bergelut untuk mengatasi penularan pandemik COVID-19. Berdasarkan maklumat dari Pejabat Kesihatan Bahagian, Bahagian Kuching dan laporan harian Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak, kes harian COVID-19 di Sarawak telah meningkat melebihi angka 1,000 bermula daripada 12 Ogos 2021. Ia telah menjadi berturut-turut sejak 18 Ogos 2021. Apa yang

merisaukan lagi ialah 25% hingga 30% kes yang berlaku adalah dalam kalangan mereka yang masih belum layak diberikan imunisasi vaksin seperti kanak-kanak dan remaja di bawah umur 18 tahun. Manakala kadar penggunaan katil di Unit Rawatan Rapi di hospital pula bagi rawatan kritikal telah sampai 30% ke 40%.

Menurut laporan daripada Institut Kesihatan Dan Komuniti Perubatan UNIMAS pula, pada 28 Ogos 2021 sebanyak 178 kes varian DELTA baharu telah dikesan, dan ini merupakan kadar pengesanan varian DELTA setinggi 83%. Setakat ini, varian tersebut telah dikesan di sepuluh bahagian di Sarawak.

Walaupun liputan imunisasi vaksin COVID-19 di Sarawak amat tinggi dan sangat memberi kesan terhadap pengurangan bilangan kes yang kritikal, penularan wabak ini tidak seharusnya dibiarkan berterusan. Sebabnya, bilangan katil di hospital untuk menampung kemasukan kes dan kemudahan di fasiliti sedia ada (seperti pusat kuarantin) akan dipenuhi dengan cepat. Pada masa yang sama, kesukaran pasti akan dihadapi oleh Jabatan Kesihatan kerana perlukan lebih ramai petugas kesihatan dan kerjasama pelbagai agensi, tambahan peralatan perubatan termasuk bukan perubatan dan sebagainya pastinya akan meningkat.

Dalam pada itu, aktiviti pengesanan kes dan kontak akan turut meningkat dan jika kes melebihi kapasiti sistem kesihatan awam sedia ada, pastinya akan mengakibatkan kes dan kontak lewat dikesan dan dikhuatiri rawatan turut lewat diberikan. Keadaan ini tentunya akan mencetuskan kegawatan yang kita tidak inginkan.

Maka kita amat dituntut untuk bersungguh-sungguh melalui upaya dan ikhtiar untuk bersama-sama memainkan peranan dan lebih bertanggungjawab.

Kita perlu sedar dan insaf bahawa apa yang terjadi pada masa ini bukanlah suatu perkara baru. Pada zaman Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* pun pernah terjadi wabak iaitu wabak ta'un. Melaluinya, kita telah diajar oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* cara untuk mengatasinya sebagaimana sabda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*:

((الطَّاعُونَ آيَةُ الرَّجْزِ ابْتَلَى اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ بِهِ نَاسًا مِنْ عِبَادِهِ فَإِذَا سَمِعْتُمْ بِهِ فَلَا تَدْخُلُوا عَلَيْهِ وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَفِرُّوا مِنْهُ))

Maksudnya: *Jika kamu mendengar wabak melanda suatu negeri, janganlah kamu memasukinya dan jika kamu berada di kawasan tersebut janganlah kamu keluar untuk lari daripadanya.*

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim)

Pada abad ke 10, seorang tokoh sarjana Islam iaitu Ibnu Sina telah memperkenalkan istilah kuarantin dalam kitabnya *al-Qanun fi at-Tibb* sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dalam hadis tadi sebagai satu kaedah bagi mengawal penyebaran penyakit yang seterusnya diikuti oleh tamadun barat.

Saudaraku yang dikasihi sekalian,

Pada hari yang mulia ini, mimbar sekali lagi mengajak para jemaah

untuk kita bersama-sama meningkatkan kepatuhan kita sama ada kepatuhan kita pada Allah *subhanahu wata'ala*, kepatuhan kepada Rasul-Nya *sallallahu alaihi wasallam* dan juga kepatuhan kita kepada pemerintah selaku pihak yang telah dipertanggungjawabkan untuk membuat keputusan yang terbaik berdasarkan masalah ummah dalam menghadapi musibah yang terjadi ini. Allah *subhanahu wata'ala* berfirman dalam Surah an-Nisa', ayat 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأَطِيعُوا أُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ ...

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang yang berkuasa) dari kalangan kamu ...*

Sesungguhnya, kepatuhan kepada Ulil Amri atau Pemerintah adalah sebagai simbol ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* selama mana arahan yang diberikan tidak bertentangan dengan syarak. Maka dalam menghadapi situasi seperti ini, kita perlu meningkatkan kepatuhan kita kepada Pemerintah sebagai lambang ketaqwaan sebagaimana dijelaskan dalam ayat tadi.

Setiap arahan atau SOP berkaitan pandemik COVID-19 yang dibuat oleh pihak berkuasa adalah untuk memastikan keselamatan dan melindungi rakyat seluruhnya sebagaimana yang ditekankan di dalam Maqasid Syariah iaitu penjagaan nyawa. Ia selaras dengan anjuran syariat Islam sebagaimana sabda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* :

((لَا يُورَدَنَّ مُمْرَضٌ عَلَى مُصِحِّ))

Maksudnya: *Janganlah dibiarkan bercampur gaul di antara yang sakit dengan yang sihat.*

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Saudaraku yang dikasihi sekalian,

Menjadi tanggungjawab kita semua untuk berperanan aktif membantu pemerintah dalam situasi yang sukar ini untuk menghentikan penyebaran dan penularan COVID-19. Sebagai orang Mukmin kita harus meyakini bahwa semua yang terjadi merupakan ketentuan dan ujian daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda yang bermaksud:

((Tidaklah Allah subhanahu wata'ala menurunkan suatu penyakit kecuali Allah jugalah yang menurunkan penawarnya.))

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Saudaraku yang dikasihi sekalian,

Kebelakangan ini, jumlah individu yang disahkan positif dengan virus COVID-19 di Sarawak menunjukkan peningkatan yang membimbangkan. Jika perkara ini berterusan, maka perkhidmatan kesihatan kita boleh menjadi lumpuh dan tidak mampu untuk memberikan rawatan yang sewajarnya kepada golongan yang memerlukan.

Oleh sebab itu, perjuangan melawan penularan wabak COVID-19 perlu dibuat secara bersungguh-sungguh. Segala usaha dan

pendekatan yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak berkuasa bagi menyelamatkan kita, rakyat Malaysia, daripada jangkitan dan kesan buruk pandemik ini, sudah tentu tidak akan berjaya tanpa kerjasama yang sepenuhnya daripada kita sebagai rakyat jelata. Justeru, beberapa tindakan berikut perlu dilakukan bagi membantu menangani situasi ini, antaranya:

Pertama : Kekal berada di rumah jika tiada urusan penting. Jika perlu untuk keluar, maka patuhilah sentiasa SOP yang ditetapkan seperti pemakaian pelitup separuh muka dan mengamalkan penjarakan fizikal.

Kedua : Lindungilah golongan di bawah usia 18 tahun dengan cara tidak membawa mereka keluar ke tempat awam, bermain di luar rumah dan berkumpul dengan kawan-kawan.

Ketiga : Elakkan daripada menganjurkan atau menyertai aktiviti sosial seperti majlis hari jadi, majlis kesyukuran, majlis tahlil, melepak dan apa sahaja aktiviti berkumpul termasuklah aktiviti ziarah-menziarahi sesama ahli keluarga, saudara mara dan jiran tetangga buat sementara waktu.

Keempat : Sekiranya berumur 18 tahun dan ke atas serta belum menerima imunisasi COVID-19, segeralah ke klinik atau pusat vaksinasi berdekatan.

Kelima : Gunakan kemudahan Bekerja Dari Rumah sekiranya tidak sihat. Jika mengalami gejala seperti demam, batuk, sakit tekak, sukar bernafas atau kelesuan, sakit badan, cirit-birit dan

muntah tanpa punca yang dikenal pasti, segeralah mendapatkan ujian saringan dan rawatan di klinik kesihatan kerajaan yang terdekat.

Keenam : Sekiranya diarah untuk menjalani kuarantin di rumah, ikutilah langkah-langkah yang ditetapkan. Elakkan daripada keluar rumah dan berhubung rapat dengan ahli keluarga atau rakan lain yang tinggal serumah. Gunakanlah aplikasi MySejahtera atau Tatacara Penilaian Kesihatan untuk memantau dan menilai tahap kesihatan diri. Jika gejala bertambah teruk dan berasa tidak sihat, sakit kepala atau sakit dada, maka **segera** ke klinik atau hospital terdekat atau menghubungi nombor 999.

Ketujuh : Anggota masyarakat pula hendaklah memberi dokongan dan sokongan moral kepada mereka yang ditimpa musibah dengan memberikan semangat supaya mereka tidak berputus asa untuk kembali sihat dan hulurkanlah bantuan mengikut kemampuan masing-masing.

Saudara kaum muslimin yang berbahagia,

Kita semua janganlah sekali-kali leka. Terus kekal berwaspada. Sayangilah diri sendiri, keluarga dan rakan kita. **Hargailah pengorbanan barisan hadapan** kita yang telah bertungkus lumus berjuang melawan pandemik ini dengan bersama-sama memikul tanggungjawab untuk memutuskan rantai penularan jangkitan COVID-19 ini.

Dalam pada itu, perbanyakkanlah amalan untuk mendekat diri

dengan Allah *subhanahu wata'ala* dengan memperbanyak istighfar, doa, selawat, zikir dan sebagainya. Semoga pandemik ini segera hilang atas izin Allah *subhanahu wata'ala*, Aamiin.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Ali Imran, ayat 159:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ
فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ

اللَّهُ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Maksudnya: Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaupun engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah, Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang bertawakal kepada-Nya.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama sentiasa mematuhi garis panduan dan SOP pencegahan penularan wabak Covid-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar diangkat segera wabak ini.

Bagi yang telah mendaftar dan mendapat janji temu suntikan vaksin Covid-19, pastikan anda hadir ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Manakala bagi yang belum mendaftar pula, segeralah berbuat demikian sebagai ikhtiar kita untuk menyekat penularan wabak berbahaya ini di samping mencapai tahap imuniti berkelompok.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan hati kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diinginkan dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرْضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا
لَهُمْ، وَارْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ
الْبَلَاءِ عَافِيَةً.

اللَّهُمَّ ارْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ،
وَعَافِهِمْ وَاعْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا أَتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.